

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1994/95

Jun 1995

SEW214 - Makroekonomi II

(Masa: 3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab DUA (2) soalan kesemuanya termasuk Soalan 1. Soalan 1 adalah WAJIB bagi semua calon.

Bahagian A (70 markah)

Soalan 1

Soalan ini adalah WAJIB bagi semua calon.

(I) Pilih jawapan yang betul kepada soalan-soalan di bawah dan masukkan huruf (A - E) yang mewakilinya ke dalam buku jawapan.

- a. Di bawah andaian teori jangkaan rasional, implikasi keluk Phillips ialah:
- A. tukar ganti (tradeoff) di antara pengangguran dan inflasi hanya wujud dalam jangka panjang
 - B. tukar ganti di antara pengangguran dan inflasi hanya wujud dalam jangka pendek
 - C. tukar ganti di antara pengangguran dan inflasi tidak wujud
 - D. tukar ganti di antara pengangguran dan inflasi wujud dalam jangka panjang dan dalam jangka pendek
 - E. tidak satu pun di atas
- b. Keluk penawaran agregat (AS) bercerun positif kerana andaian
- A. upah yang rigid (tidak berubah atau sukar berubah)
 - B. perubahan upah berlaku selepas perubahan harga dengan lat. (wages lag behind price changes)
 - C. kontrak-kontrak upah telah menetapkan upah pada satu paras tertentu untuk tempoh yang lebih lama dari paras harga ditetapkan
 - D. kesemua di atas
 - E. tidak satu pun di atas

...2/-

c. Nyatakan kes yang manakah dari senarai berikut akan memberikan kesan yang terbesar ke atas penggunaan seseorang individu mengikut hipotesis pendapatan tetap:

- A. seorang pensyarah dinaikkan pangkat ke jawatan profesor madya dan memperolehi peningkatan gaji sebanyak RM 1000
- B. seorang guru telah memenangi hadiah RM 2000 dalam peraduan teka teki anjuran Surat khabar STAR
- C. seorang pensyarah mendapat wang royalti sebanyak RM 2500 dari sebuah buku yang ditulisnya
- D. seorang penulis memenangi hadiah RM 10000 dalam satu peraduan menulis novel
- E. tidak satu pun di atas

d. Mengikut hipotesis edaran hayat, pesara

- A. mempunyai penggunaan yang lebih tinggi pada masa ia bekerja berbanding dengan masa-masa lain kerana ia tidak menjangka untuk hidup lama
- B. akan berbelanja sebahagian dari aset yang terkumpul berdasarkan jangkaan hayatnya
- C. akan meningkatkan tabungan kerana ia menjangka akan menghadapi perbelanjaan perubatan yang lebih tinggi pada hari tuanya
- D. tidak perlu bimbang kerana ia menjangkakan bantuan kewangan dari anak-anaknya
- E. tidak satu pun di atas.

e. Firma-firma perniagaan menyimpan inventori kerana

- A. inventori diperlukan untuk memenuhi permintaan pada masa hadapan
- B. kos akan menjadi lebih rendah jika pesanan untuk barang-barang dibuat dalam jumlah yang besar
- C. permintaan pengguna biasanya tidak dapat dijangka (highly unpredictable)
- D. kesemua di atas
- E. kedua-dua (A) dan (B)

f. Jika kadar bunga meningkat dari 8% ke 10%, nilai kini bagi sesuatu projek pelaburan yang mempunyai hayat 10 tahun akan

- A. merosot
- B. meningkat
- C. tidak berubah
- D. meningkat, tetapi peningkatannya sedikit sahaja
- E. tidak dapat ditentukan apa yang akan terjadi kepada nilai kini projek berkenaan.

... 3/-

- g. Faktor manakah dari senarai berikut TIDAK akan menyebabkan peranjakan keluk permintaan perumahan kediaman?
- A. peningkatan harga aset perumahan
 - B. peningkatan tingkat kekayaan sebuah ekonomi
 - C. pemerrosotan nilai pulangan ke atas aset-aset lain
 - D. kenaikan kadar gadai janji (mortgage rate)
 - E. tidak satu pun di atas
- h. Mengikut model pencepat, jika ekonomi mengalami kemelesetan maka paras pelaburan bersih akan
- A. menjadi sama dengan sifar
 - B. merosot tetapi mempunyai nilai positif
 - C. meningkat tetapi pada kadar yang semakin berkurangan
 - D. menjadi negatif
 - E. tidak satu pun di atas
- i. Yang manakah dari pernyataan-pernyataan berikut BETUL?
- A. pelaburan inventori adalah komponen pelaburan yang terbesar
 - B. pelaburan kediaman perumahan adalah komponen pelaburan yang tidak sensitif terhadap perubahan kadar bunga
 - C. pelaburan tetap perniagaan adalah komponen pelaburan yang paling cepat berubah (volatile)
 - D. kesemua di atas
 - E. tidak satu pun di atas
- j. Secara grafik, penurunan nilai penawaran wang benar yang disebabkan oleh peningkatan harga dapat digambarkan sebagai
- A. peranjakan keluk permintaan agregat (AD) ke kanan
 - B. pergerakan ke kanan di sepanjang keluk AD
 - C. peranjakan keluk AD ke kiri
 - D. pergerakan ke kiri di sepanjang keluk AD
 - E. peningkatan nilai cerun keluk AD
- k. Keluk AD akan menjadi semakin curam apabila
- A. nilai pengganda meningkat
 - B. pelaburan menjadi semakin responsif terhadap perubahan kadar bunga
 - C. permintaan wang menjadi semakin sensitif terhadap perubahan kadar bunga
 - D. nilai pengganda semakin kecil
 - E. nilai kecenderungan mengguna sut (MPC) semakin besar

- l. Diberikan andaian Klasik mengenai bentuk keluk AS, dasar pengembangan kewangan akan
 - A. meningkatkan output (Y), tetapi membiarkan kadar bunga (r) dan harga (P) tidak berubah
 - B. meningkatkan Y , menurunkan r tetapi P tidak berubah
 - C. membiarkan Y dan r tidak berubah tetapi P meningkat
 - D. membiarkan Y , r dan P tidak berubah
 - E. membiarkan Y tidak berubah tetapi r dan P meningkat
- m. Dalam rajah AD - AS yang biasa di mana keluk AS bercerun positif, permintaan wang yang merosot akan
 - A. menyebabkan Y dan P meningkat tetapi r tidak berubah
 - B. menghasilkan peningkatan Y , P dan r
 - C. menyebabkan Y dan P meningkat tetapi r merosot
 - D. menyebabkan P meningkat, r menurun tetapi Y tidak berubah
 - E. tidak satu pun di atas
- n. Diberikan andaian Keynes mengenai bentuk keluk AS, dasar pengembangan fiskal akan
 - A. tidak memberikan apa-apa kesan ke atas P dan Y pada keadaan keseimbangan
 - B. menyebabkan P meningkat tetapi tidak memberik apa-apa kesan ke atas Y pada keadaan keseimbangan
 - C. menyebabkan P meningkat lebih dari Y
 - D. menyebabkan Y meningkat lebih dari P
 - E. menyebabkan Y pada keadaan keseimbangan meningkat tetapi tidak memberi apa-apa kesan ke atas P
- o. Upah pada kebiasaanya lebih menunjukkan ciri sukar berubah (sticky) dari boleh berubah (flexible) kerana
 - A. kontrak-kontrak buruh biasanya menetapkan upah nominal untuk beberapa tahun, umpamanya 3 tahun
 - B. kos untuk merunding semula kontrak dengan lebih kerap adalah amat tinggi
 - C. pasaran buruh biasanya melibatkan hubungan jangka panjang di antara pekerja dan majikan
 - D. kesemua di atas
 - E. kedua-dua (A) dan (C)
- p. Keluk Phillips menunjukkan hubungan di antara
 - A. upah dan harga
 - B. paras upah dan pengangguran
 - C. paras harga dan pengangguran
 - D. kadar perubahan harga dan kadar pengangguran
 - E. perubahan inflasi dan kadar perubahan pengangguran

...5/-

- q. Jika kerajaan sesebuah negara ingin mengembalikan inflasi kepada kadar asalnya selepas berlaku satu kejutan penawaran, ia harus
- A. menurunkan cukai
 - B. melaksanakan dasar kewangan penguncupan
 - C. meningkatkan perbelanjaan kerajaan
 - D. meningkatkan cukai dan perbelanjaan kerajaan dengan saiz peningkatan yang sama besar
 - E. meingkatkan penawaran wang dan menurunkan cukai
- r. Keluk AS jangka pendek akan beranjak ke kanan jika
- A. kadar inflasi terjangka meningkat
 - B. kadar inflasi terjangka merosot
 - C. kadar bunga terjangka meningkat
 - D. output sebenar berada pada paras melebihi gunatenaga penuh
 - E. tidak satu pun di atas
- s. Dasar pendapatan mengurangkan inflasi dengan
- A. menganjakkan keluk AD ke kanan
 - B. menganjakkan keluk AD ke kiri
 - C. menganjakkan keluk AS ke kanan
 - D. menganjakkan keluk AS ke kiri
 - E. kedua-dua (B) dan (C)
- t. Polisi untuk mengurangkan inflasi secara beransur-ansur
- A. menggambarkan satu kaedah yang sesuai dan munasabah
 - B. tidak melibatkan pengangguran yang terlalu tinggi dan dengan itu tidak menghadapi tekanan dari pihak-pihak tertentu untuk dimansuhkan
 - C. adalah satu kaedah yang mempunyai kredibiliti yang tinggi
 - D. mempengaruhi harga tetapi tidak mempengaruhi output
 - E. tidak satu pun di atas.
- u. Di bawah andaian jangkaan mudah suai (adaptive expectation)
- A. jangkaan inflasi (inflationary expectation) diasaskan kepada kelakuan dan pengalaman inflasi masa lalu
 - B. perubahan dalam dasar kewangan, walaupun diumumkan akan memberi kesan ke atas output dan inflasi dalam jangka pendek
 - C. kadar inflasi dalam jangka panjang akan menyamai kadar pertumbuhan wang
 - D. kesemua di atas
 - E. Hanya (A) dan (B)

v. Di bawah andaian jangkaan rasional,

- A. orang ramai tidak pernah membuat kesilapan di dalam membuat jangkaan
- B. perubahan dalam dasar kewangan yang tidak diumumkan tidak akan mempengaruhi output dan kadar pengangguran dalam jangka pendek
- C. orang ramai membuat kesilapan dari semasa ke semasa tetapi mereka tidak membuat kesilapan yang sistematik (systematic mistakes)
- D. orang ramai tidak pernah mengubah jangkaan inflasi mereka
- E. tidak satu pun di atas

w. Inflasi yang dijangka dengan sempurna akan menyebabkan pemindahan kekayaan (sumber) berlaku dari

- A. si berhutang (debtor) ke si piutang (creditor)
- B. si piutang ke si berhutang
- C. golongan miskin ke golongan kaya
- D. isirumah ke firma
- E. tidak satu pun di atas

x. Jika inflasi pada tahun ini adalah lebih tinggi dari yang dijangka, maka

- A. peminjam akan "untung" dan pemberi pinjaman akan "rugi"
- B. pemberi pinjaman akan "untung" dan peminjam akan "rugi"
- C. kedua-dua peminjam dan pemberi pinjaman akan "untung" dan kerajaan akan "rugi"
- D. kedua-dua peminjam dan pemberi pinjaman akan "rugi"
- E. tidak satu pun di atas.

y. Di antara masalah-masalah yang dikaitkan dengan dasar pendapatan untuk mengatasi masalah inflasi ialah

- A. menyebabkan pengangguran meningkat kerana upah dikawal
- B. menjelaskan keberkesanan mekanisme penyesuaian automatik (automatic adjustment mechanism) yang wujud dalam ekonomi bebas (tanpa gangguan)
- C. mengurangkan insentif-insentif kerja
- D. kesemua di atas
- E. hanya (B) dan (C)

(II) Jawab semua soalan berikut:

- a. (i) Dengan menggunakan model IS-LM, terbitkan keluk permintaan agregat (AD) secara grafik dan jelaskan prosesnya.
- (ii) Senaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kecerunan (saiz cerun) dan kedudukan keluk AD. Terangkan dengan ringkas bagaimana faktor-faktor tersebut mempengaruhi kedua-duanya
- b. (i) Senaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kecerunan (saiz cerun) dan kedudukan keluk AS. Terangkan dengan ringkas bagaimana faktor-faktor tersebut mempengaruhi kedua-duanya
- (ii) Nyatakan perbezaan di antara model klasik baru dan model Keynes moden (baru) dalam perkara-perkara berikut:
- I. bentuk dan saiz relatif cerun keluk AS
- II. implikasi polisi
- c. Nyatakan (tidak perlu dijelaskan) apa yang akan berlaku kepada output (Y), harga (P) dan kadar bunga (r) apabila permintaan wang merosot di bawah andaian model-model berikut:
- (i) Klasik
- (ii) Kes biasa
- (iii) Keynes
- d. Bezakan kesan peningkatan penawaran wang benar ke atas keluk LM dan keluk AD jika peningkatan tersebut berpunca dari perubahan
- (i) harga
- (ii) penawaran wang nominal

Bahagian B (30 markah)

Jawab SATU soalan sahaja.

Soalan 2

Model Harrod-Domar dikatakan tidak stabil. Keadaan ini timbul kerana model ini mengandaikan parameter-parameter dalam persamaan keseimbangan sebagai tetap.

- (i) Jelaskan kenapa model Harrod-Domar dianggap tidak stabil dengan merujuk kepada kes-kes berikut:

(a) $r_A > r_W$

(b) $r_A < r_W$

di mana

r_A = kadar pertumbuhan sebenar

r_W = kadar pertumbuhan terjamin.

- (ii) Bincangkan mekanisme pengubahsuaian yang dicadangkan oleh model Neoklasik bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh model Harrod-Domar.

(Nota: Perbincangan anda mestilah jelas dan tepat, dan disertakan dengan rajah-rajab atau persamaan-persamaan yang sesuai).

- (iii) "Walaupun pertumbuhan ekonomi menguntungkan golongan kapitalis mereka tidak boleh diharapkan untuk menyumbang kepada tabungan negara secara sukarela bagi mencapai sesuatu matlamat pertumbuhan ekonomi." Bincangkan pernyataan ini sepenuhnya dengan merujuk kepada persamaan-persamaan yang sesuai.

(30 markah)

Soalan 3

- (a) Oleh kerana inflasi dikatakan boleh dikurangkan tanpa melibatkan peningkatan pengangguran dalam jangka panjang, ada orang berpendapat bahawa ia (kadar inflasi) harus dikurangkan hingga menjadi sifar. Walau bagaimanapun, ada golongan lain yang menganggap bahawa sesuatu kadar inflasi yang agak rendah tetapi stabil, katakan pada kadar 4 peratus, tidaklah meinmbulkan masalah kepada ekonomi, dan dengan itu boleh dijadikan sebagai satu sasaran matlamat. Nilaikan kedua hujah ini sepenuhnya.

...9/-

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kadar pengangguran semula jadi?

Nyatakan dan bincangkan bagaimana perubahan-perubahan berikut boleh mempengaruhi kadar pengangguran semula jadi:

- (i) Peningkatan golongan remaja yang memasuki tenaga kerja
- (ii) Usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam pelbagai bidang pekerjaan
- (iii) Peningkatan nilai faedah keselamatan sosial
- (iv) Penguatkuasaan undang-undang upah minimum
- (v) Turun naik komposisi permintaan agregat (AD).

- (c) Bincangkan implikasi teori pencepat ke atas perkara-perkara berikut:

- i. Saiz pengganda perbelanjaan
- ii. Cerun keluk IS
- iii. Keberkesanan dasar fiskal dan dasar kewangan.

(Nota: Anda harus menggunakan persamaan-persamaan dan rajah-rajab yang sesuai untuk menjawab soalan ini)

(30 markah)

- oo oo oo -